

UPM anjur seminar Perhubungan Awam

KERJAYA sebagai pegawai Perhubungan Awam (PR) meliputi bidang yang luas. Seperti kerjaya lain, pegawai PR juga mempunyai tugas yang amat penting iaitu mempromosikan organisasi supaya sentiasa dipandang positif oleh orang ramai, pemegang saham, pelanggan dan pelabur berpotensi.

Menyedari kerjaya ini banyak mendidik dan mempunyai tanggungjawab yang besar, pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan seminar bertajuk 'Merapatkan Jurang Antara Pengamal Perhubungan Awam dan Ahli Akademik: Meningkatkan Mutu Prestasi Perkhidmatan Perhubungan Awam Melalui Pendidikan dan Profesionalisme' di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Melalui seminar ini, pihak pengarjuran berharap para peserta bersedia berhadapan dengan pelbagai tugas, isu, aktiviti, cabaran dan risiko yang wujud dalam profesi yang memerlukan mereka lebih berketrampilan serta bersedia.

Timbalan Presiden Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM), Jaffri Amin Osman berkata, objektif program

ini adalah memberi pendedahan kepada pelajar yang mahu mengenali kerjaya sebenar sebagai PR termasuk melihat peluang kerjaya itu di pasaran semasa.


Katanya, untuk menjadi PR yang berjaya bukan mudah melainkan para pelajar melaksanakan beberapa elemen penting, antaranya proses mendengar, berfikir, belajar dan merancang pelbagai kemahiran.

"Pelajar berpeluang memilih bahagian pengurusan pejabat, khidmat sosial korporat (CSR), komunikasi pekerja, hubungan bidang pelaburan, pengiklanan, perhubungan awam, kerajaan dan penerbitan.

"Mereka perlu menggunakan segala bentuk media dan alat komunikasi untuk membina, menyelaras dan mengurus reputasi serta nama baik organisasi yang mereka wakili," katanya ketika berucap dalam majlis seminar itu.

Majlis itu dirasmikan oleh Dekan FBMK, Prof. Madya Dr. Abdul Muati Ahmad.

Tambahnya, pegawai perhubungan awam adalah cermin kepada organisasi dan penting untuk pelajar membawa imej diri yang positif, bersopan santun apabila berbicara dan berurusan dengan sesiapa sahaja dengan penuh keyakinan.



DR. Abdul Muati Ahmad (dua dari kanan) merasmikan seminar Perhubungan Awam di UPM , Serdang, Selangor baru-baru ini.